

Dua tukang cuci disabitkan mencuri dipenjara dua bulan

MIRI: Terdesak mencuri demi kelangsungan hidup, dua tukang cuci warga asing masing-masing dijatuhi hukuman penjara dua bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Ashok Linggam setelah meneliti beberapa aspek termasuk pengakuan salah kedua-dua tertuduh yang telah menjimatkan masa dan kos mahkamah, rayuan mereka, keterangan fakta kes, berat kesalahan yang dilakukan serta mengambil kira kepentingan awam.

Mohd Adid Kasim, 39, dari Jawa Timur dan Mohamdani Abdul Karim, 36, dari Batu Putih, Sampang Madura, Indonesia, telah didakwa mengikut Seksyen 380 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 kanun yang sama.

Mengikut kesalahan ini, mereka boleh dikenakan hukuman penjara hingga 10 tahun dan juga denda, jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, kedua-dua tertuduh didapati telah melakukan kecurian dengan mencuri sotong seberat 10 kilogram kepunyaan seorang peniaga warga emas berusia 71 tahun.

Mereka didakwa melakukan kesalahan itu dengan niat bersama pada jam 7.35 malam, 16 Mei lalu di Pasar Ikan Miri di sini.

Ketika rayuan, kedua-dua tertuduh yang bekerja sebagai tukang cucimerayu hukuman ringan memandangkan ini adalah kesalahan pertama mereka.

Kedua-dua tertuduh memberitahu mereka mencuri kerana terdesak demi kelangsungan hidup disebabkan tidak dibayar gaji dan sering mengutip hasil tangkapan laut yang telah busuk dan dibuang ke dalam tong sampah untuk dijadikan santapan bagi menegalas perut.

Pendakwaan dilakukan Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman manakala kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam bela.